

Newspaper	Berita Harian
Date	14 June 2015

'Usah ikut rentak pengkritik PM'

Kluang: Rakyat negara ini diminta tidak mudah terpengaruh dengan pelbagai dakwaan dilemparkan pihak tertentu termasuk pembangkang, terhadap kerajaan di bawah kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata Perdana Menteri sebelum ini sudah banyak kali memberi penjelasan dan penerangan secara terperinci mengenai pelbagai perkara yang dibangkitkan pihak berkenaan.

Beliau yang juga Naib Presiden UMNO, berkata kerajaan di bawah kepemimpinan Najib mempunyai cara tersendiri untuk memperbaiki apa jua kelemahan yang wujud sebelum pilihan raya umum akan datang, yang boleh dinilai sendiri oleh rakyat kelak.

"Kita jangan terikut-ikut de-

ngan rentak mereka yang tidak bertanggungjawab melemparkan pelbagai tuduhan terhadap Perdana Menteri dan kerajaan. Kita mempunyai masa untuk memperbaiki prestasi serta jawapan terhadap segala tuduhan yang dilemparkan.

Nilai menerusi pilihan raya umum kelak

"Akhirnya yang akan menilai, sama ada berkesan atau tidak jawapan kita ialah orang ramai yang mempunyai ruang untuk menentukan perkara berkenaan menerusi pilihan raya umum kelak, bukannya sekarang," katanya selepas menghadiri majlis ramah mesra bersama peneroka FELDA Kahang Timur di sini, semalam.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Sembrong, mengulas kritikan se-

cara berterusah yang dilemparkan segelintir pihak termasuk bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap kepemimpinan Najib, sejak kebelakangan ini.

Mengulas susulan gempa baru yang direkodkan di Ranau, Sabah semalam, Hishammuddin berkata, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa bersedia sedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan selain bekerjasama dengan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"ATM tidak pernah menolak sebarang permintaan memberi bantuan sejak hari pertama berlaku kejadian gempa bumi di Ranau, kerana ia menjadi tanggungjawab ATM. Kita menunggu arahan MKN yang seterusnya mengenai keperluan yang patut dibantu," katanya.



Pengerusi Biro Fokus FELDA Sembrong, Hamzah Kuani menyerahkan memorandum kepada Hishammuddin di Kluang, semalam.

[FOTO ADNAN IBRAHIM/BH]